



**UNIT MEDIA RELA**  
**JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)**  
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**  
**ARAS 7,8 & 9, BLOK D9, KOMPLEKS D**  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**62546 PUTRAJAYA**  
TEL : 03-88703671 FAKS : 03-88905540

---

## SIARAN MEDIA

### PEGAWAI RELA LAFAZ IKRAR BEBAS RASUAH PERBAHARUI TEKAD BEBAS DARIPADA AMALAN RASUAH

---

**PUTRAJAYA, 11 April 2017** – Seramai 581 pegawai dan kakitangan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah melafazkan Ikrar Bebas Rasuah atau *Corruption Free Pledge* Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sempena Majlis Konvensyen Pegawai RELA hari ini yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Alwi Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Konvensyen ini bagi memantapkan lagi tadbir urus RELA sebagai sebuah agensi Kerajaan yang bebas daripada sebarang anasir rasuah. Penganjuran Konvensyen Pegawai RELA amat bertepatan dengan masa dan amat bermakna kepada Jabatan dan KDN bagi memastikan integriti pegawai serta kakitangan RELA sentiasa berada di tahap tertinggi.

Dato' Sri Alwi Hj. Ibrahim berkata, elemen integriti perlu dititikberatkan bagi mengelakkan insiden-insiden seperti amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan hal-hal yang boleh mencemarkan reputasi organisasi daripada berlaku.

"Suka saya nyatakan bahawa, isu integriti perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas. Integriti bukan sahaja berfokus kepada isu-isu rasuah sahaja malah ia meliputi konsep yang lebih besar dalam membentuk budaya kerja yang mampan di dalam sesebuah organisasi" tambah beliau.

Majlis menandatangani Ikrar Bebas Rasuah itu didahului oleh YBhg. Zulkifli Abidin, Ketua Pengarah RELA telah disaksikan oleh YBhg. Datuk Dzulkifli Ahmad, Ketua Pengarah SPRM dan YBhg. Dato' Sri Alwi Hj. Ibrahim, KSU KDN.

Dalam majlis yang sama turut diserahkan buku Pelan Integriti Organisasi (PIO) RELA 2.0 kepada Pegawai RELA Negeri seluruh Malaysia.

Menurut Zulkifli Abidin, dalam tempoh hampir enam (6) bulan selepas mengambil alih jawatan Ketua Pengarah RELA Malaysia, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi mengukuhkan tahap integriti dalam kalangan pegawai, kakitangan dan anggota RELA, antaranya:

Pertama: Penerapan nilai-nilai murni kepada pegawai dan anggota melalui latihan dan amalan kerja harian serta pemerkasaan amalan integriti di peringkat daerah dan anggota; dan

Kedua: Pelancaran Pelan Integriti RELA 2.0 oleh YAB Timbalan Perdana Menteri semasa sambutan Hari Ulang Tahun RELA ke 45 di Kota Kinabalu, Sabah. Pelan integriti ini digubal bersama dengan Institut Integriti Malaysia (IIM) menggariskan 6 strategi utama dalam penerapan integriti di Jabatan Sukarelawan Malaysia. Beliau yakin tadbir urus RELA dapat ditambah baik dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dan sekaligus menaikkan nama RELA di mata masyarakat.

Terdapat enam (6) strategi yang digariskan dalam PIO RELA 2017-2021 :

- I) Memantapkan keberkesanan tadbir urus terbaik dan pengurusan risiko;
- II) Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan;
- III) Melaksanakan program kesedaran memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;
- IV) Memantapkan sistem pengurusan sumber manusia;
- V) Memantapkan imej korporat dan repurasi Jabatan; dan
- VI) Memantapkan institusi kekeluargaan.

---

Disediakan oleh : Unit Media RELA  
Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)  
No. Telefon : 019 - 600 1018  
Tarikh dikeluarkan : 12 April 2017